

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2000/2001

September 2000

STW311 - Dasar dan Perancangan Sosial

Masa: [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Soalan 1 di Bahagian A adalah wajib. Pilih DUA (2) soalan daripada Bahagian B. Tiap-tiap soalan bernilai 100 markah.

Bahagian A

Soalan ini WAJIB dijawab.

1. (a) Andaikan anda adalah Menteri Perpaduan dan Pembangunan Sosial. Pilih satu isu sosial yang perlu ditangani dan beri sebab kenapa anda memilih isu ini.
- (b) Huraikan proses perancangan yang boleh diambil untuk menangani isu tersebut (ambil kira pengaruh politik dan ekonomi).

Bahagian B

Jawab DUA (2) soalan sahaja.

2. (a) Pilih satu dasar sosial yang wujud di Malaysia.
- (b) Apakah rasional dan objektif dasar itu.
- (c) Huraikan strategi dan pelan tindakan perlaksanaan dasar tersebut.
- (d) Pada hemat anda, sejauhmanakah dasar ini berkesan?

3. Pilih satu model perancangan sosial yang telah dibincangkan dalam kuliah.
 - (a) Jelaskan ciri-ciri model tersebut.
 - (b) Huraikan sejauhmanakah model tersebut boleh digunakan dalam konteks masyarakat Malaysia.

4.
 - (a) Apakah analisa dasar?
 - (b) Adakah analisa dasar perlu? Kenapa?
 - (c) Pilih satu model analisa dasar dan huraikan ciri model tersebut.
 - (d) Huraikan kekuatan dan kelemahan model itu.

5. Proses perancangan melibatkan perspektif “technomethodological” dan “sociopolitical”.
 - (a) Huraikan kedua-dua perspektif tersebut.
 - (b) Apakah kekuatan dan kelemahan kedua-dua perspektif ini?